

09 SEP 2003

OIC-Sains (Bergambar)/I

PERSIDANGAN S&T BAGI GUBAL RANGKA KERJA DASAR S&T

Oleh: Harlina Samson

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Saintis dan pakar teknologi Islam akan berkumpul di sini bulan depan bagi menggubal rangka kerja dasar sains dan teknologi (S&T) ke arah membangunkan industri dan ekonomi di negara-negara Islam.

Persidangan Sains dan Teknologi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) akan berlangsung sebagai pembuka tirai Sidang Kemuncak OIC ke-10 di Putrajaya bulan depan.

Menyedari pentingnya memiliki pengetahuan khususnya dalam bidang sains dan teknologi (S&T) sebagai asas kepada kemajuan, persidangan S&T adalah selaras dengan tema Sidang Kemuncak OIC kali ini iaitu "Ilmu Pengetahuan Dan Akhlak Asas Kemajuan Ummah."

Akademi Sains Malaysia (AKS), yang dipertanggungjawabkan untuk menganjurkan persidangan bertemakan "Sains Dan Teknologi Untuk Pembangunan Industri di Negara-Negara Islam: Menghadapi Cabaran Globalisasi" itu, sudah bersedia bagi acara penting itu.

Dalam temubual dengan Bernama, Pengarah Eksekutif AKS Datuk Dr Samsudin Tugiman berkata persidangan itu dijangka mencadangkan rangka kerja dasar S&T dan pelan tindakan ke arah pembangunan industri dan ekonomi di negara-negara Islam.

"Sains dan teknologi adalah wadah atau asas bagi kemajuan ummah. Ianya merupakan asas pengetahuan dan kita perlu memanfaatkannya untuk maju ke hadapan," katanya.

Dr Samsudin berkata persidangan empat hari itu dari 7 hingga 10 Okt ini akan mengumpulkan penggubal dasar daripada kerajaan, wakil-wakil dari organisasi saintifik, institut kajian, pertubuhan bukan kerajaan dan kumpulan pemegang amanah lain berkaitan dengan S&T.

Katanya persidangan itu dijangka akan membuat resolusi dan pelan tindakan yang akan dibentangkan pada Sidang Kemuncak OIC untuk mendapatkan kelulusan.

Pelan tindakan itu dijangka diguna pakai dan dilaksanakan oleh negara anggota bagi tujuan meneruskan agenda pembangunan industri dan ekonomi di negara masing-masing, katanya.

Persidangan itu, yang dianjurkan di bawah naungan Jawatankuasa Tetap OIC bagi Kerjasama Sains dan Teknologikal (COMSTECH), antara lain akan menilai dasar dan keutamaan S&T di negara Islam, khususnya yang membawa kesan kepada pembangunan industri dan ekonomi.

Ia juga bagi mengukuhkan pembangunan kapasiti S&T dan mengenal pasti strategi dan mekanisme berkesan untuk pembangunan industri dan ekonomi di negara Islam.

Dr Samsudin berkata persidangan itu akan dibahagikan kepada lima sesi termasuk dialog peringkat tinggi dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sesi lain ialah Dasar S&T Bagi Perindustrian, Pembangunan Kapasiti dan Mencapai Kecemerlangan, Pengurusan Teknologi, Inovasi dan Pengkomersilan dan forum khas mengenai "Sumbangan Umat Islam Kepada Dunia Teknologi dan Perdagangan."

Katanya ucapatama akan disampaikan oleh cendekiawan terkenal Islam dan saintis bukan Islam seperti Penyelaras Agung COMSTECH dan Pengerusi Suruhanjaya Pendidikan Tinggi Pakistan, Prof Atta-Ur-Rahman, Pengarah Eksekutif Third World Academy Sciences dari Itali, Prof Mohamed Hassan.

Pengarah Projek Millenium Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Prof

Jefrry Sachs dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Teknologi Tinggi Kerajaan-Swasta Malaysia Datuk Dr Ahmed Tasir Lope Pihie.

Sebuah perbincangan khas bagi berkongsi pengalaman dan sumbangan oleh cendekiawan Islam dalam dunia teknologi dan perdagangan serta mekanisme kejayaan juga akan diadakan.

Katanya, masyarakat harus sedar akan hakikat bahawa terdapat ribuan cendekiawan Islam yang berjaya, ahli teknologi dan ahli peniagaan yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi di negara membangun dan negara-negara Islam sepatutnya memanfaatkannya.

"Saya fikir setakat ini kita belum lagi mengambil kesempatan ini. Adalah baik untuk negara OIC yang mana rakyatnya bekerja di negara maju di Barat supaya mencungkil sumber pengetahuan mereka.

"Kita perlu mengambil kesempatan ini dan berharap forum ini akan membolehkan kita mempelajari sesuatu mengenai apa yang perlu dilakukan," katanya.

Mengenai pelan tindakan tersebut, Dr Samsudin, menjelaskan bahawa persidangan itu akan menggariskan "sesuatu yang praktikal dan boleh dilaksanakan" bagi membolehkan negara anggota OIC benar-benar menerima dan melaksanakan pelan itu.

"Ia sepatutnya sesuatu yang boleh dilaksanakan, sementara kita membincangkannya daripada segi jenis pendekatan dan isunya, kita juga harus mengemukakan beberapa projek atau aktiviti yang boleh dilaksanakan oleh anggota negara OIC," katanya.

Mengakui bahawa akan terdapat perbezaan dan halangan daripada segi tahap pengetahuan, bahasa dan kebudayaan, Dr Samsudin berkata perkara seperti pembangunan kapasiti, sumber tenaga manusia, latihan, penyelidikan dan pembangunan boleh dilakukan melalui zamalah, penubuhan pusat kecemerlangan dan institut kajian.

"Ianya akan menjadi lebih baik jika kita boleh memulakan ini dan memberi tumpuan dalam bidang S&T yang boleh membantu merancang pembangunan industri di kalangan negara anggota OIC," katanya.

Sebuah kertas kerja khas mengenai peranan wanita dalam pembangunan juga akan dibentangkan dan menurut Dr Samsudin Malaysia ingin mengutarakan idea bagaimana wanita boleh memainkan peranan aktif dalam pembangunan sesebuah negara.

Katanya peranan wanita dalam pembangunan negara merupakan bidang kritikal yang perlu diberi perhatian serius jika dunia Islam berhasrat melangkah ke peringkat lebih tinggi dalam pembangunan.

Berdasarkan hampir 50 peratus penduduk negara ini terdiri daripada kaum wanita, katanya, kaum itu perlu diberi peluang untuk memainkan peranan dalam pembangunan negara.

Sambil melahirkan rasa optimistik terhadap kehadiran ramai peserta, Dr Samsudin berkata setakat ini seramai 120 perwakilan termasuk 50 perwakilan asing dari 17 negara telah berdaftar untuk persidangan itu.

Katanya, penganjur menjangka sekurang-kurangnya 40 daripada 57 negara anggota OIC akan diwakili pada persidangan itu.

Untuk berita-berita mengenai sidang kemuncak OIC Putrajaya, sila layari [www.bernama.com/oic summit](http://www.bernama.com/oic_summit).

-- BERNAMA

HS AZZ DC RHM